

17 JAN 2000

AKHBAR AUSTRALIA KUTUK TANGKAPAN PEMBANGKANG

MELBOURNE, Jan 17 (Bernama) -- Dua akhbar kebangsaan Australia hari ini mengutuk penangkapan ahli politik pembangkang dan eksekutif akhbar di Malaysia, dengan berkata ia membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang memandang ke belakang dan tindakan itu akan menjejaskan pelaburan asing.

Akhbar "The Australian" menuduh kerajaan mengamalkan taktik mengugut bagi menakut-nakutkan pengkritiknya.

Akhbar milik Rupert Murdoch itu berkata terdapat tanggapan umum di Malaysia bahawa penangkapan itu adalah satu ancaman kepada prinsip hak asasi.

Lidah pengarang "The Australian Financial Review" pula menyebut bahawa walaupun telah menjadi seorang negarawan di Asia dan telah mencapai banyak kejayaan, (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) nampaknya cuba memusnahkan rekodnya sebelum meninggalkan pentas politik".

Naib presiden Parti Keadilan Marina Yusoff dan timbalan pengerusi DAP Karpal Singh dihadapkan ke mahkamah secara berasingan minggu lepas terhadap tuduhan menghasut manakala Ketua Pemuda Keadilan Mohamad Ezam Mohamad Nor menghadapi tuduhan mengikut Akta Rahsia Rasmi kerana memiliki dokumen sulit.

Zulkifli Sulong, editor Harakah, dan Chea Lim Thye, penerbitnya juga dituduh menghasut.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri semalam membidas Amerika Syarikat yang mengutuk penangkapan itu, dengan berkata ia cuba mencampuri urusan dalaman Malaysia.

--BERNAMA

ndc sj mai